

Akar Umbi Umno Sudah Sedia Hadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 – Shafie Bernama
13 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata kesemua anggota parti di peringkat akar umbi sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13. Namun, beliau meminta semua anggota termasuk ketua cawangan dan bahagian supaya mencari ruang yang boleh dibaiki serta mengeneipkan sebarang persaingan dan persengketaan sesama anggota. Beliau berkata kehadiran lebih 100,000 anggota pada sambutan ulang tahun ke-66 parti di Stadium Nasional Bukit Jalil semalam memberikan isyarat yang jelas bahawa Umno masih menjadi pilihan rakyat. "Ini menunjukkan mereka mahukan kerajaan yang stabil dan memberi kemakmuran ekonomi kepada negara," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam ulang tahun Victoria Institution Old Boys Association ke-90 di sini, Sabtu malam. Beliau berkata ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Jumaat telah memberikan pelbagai mesej yang penting kepada rakyat termasuk janji yang dikotakan oleh parti pemerintah. Shafie yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkata rakyat harus membandingkan apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional (BN) dengan pembangkang dalam memberi khidmat kepada rakyat. "BN memberi pelbagai kemudahan dan bantuan demi kesejahteraan rakyat Malaysia, seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia dan pelbagai lagi..tiada yang akan terpinggir dalam arus pembangunan negara," katanya. Beliau berkata pembangkang sebaliknya lebih gemar mencemarkan imej negara dengan mewujudkan suasana ganas dan melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang sehingga menyusahkan semua pihak seperti peniaga, menjejaskan sektor pelancongan dan ekonomi negara. -- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665768>